

BURNOUT DALAM KALANGAN GURU PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK: SEBAB DAN IMPLIKASI

BURNOUT AMONG EARLY CHILDHOOD EDUCATION TEACHERS: CAUSES AND IMPLICATIONS

Laila Binti Ajang¹

The Faculty of Education,
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia
(Email: lailaajang1804@gmail.com)

Kamariah Abu Bakar²

The Faculty of Education,
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia
(Email: kamariah_abubakar@ukm.edu.my)

Accepted date: 14-04-2019

Published date: 08-07-2019

To cite this document: Songsiengchai, S., Kewara, P., & Prabjandee, D. (2019). Preparation Program for Enhancing Communicative Language Teaching Ability. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(31), 359-372.

DOI: 10.35631/IJEPC.4310031

Abstrak: Burnout dalam kalangan guru pendidikan awal kanak-kanak dan faktor-faktor yang menyebabkan burnout akan mempengaruhi nilai dan kualiti, pencapaian pretasi serta perkhidmatan seseorang. Kajian ini mengkaji tahap burnout guru pendidikan awal kanak-kanak menerusi tiga simptom utama iaitu kelesuan emosi, depersonalisasi dan penurunan pencapaian diri dan seterusnya menganalisa punca penyumbang kepada gejala burnout serta implikasi burnout terhadap guru pendidikan awal kanak-kanak. Kajian ini menggunakan kaedah campuran dan telah dijalankan dengan melibatkan seramai 165 orang guru pendidikan awal kanak-kanak di bahagian Samarahan dan Kuching Sarawak. Seramai lima orang responden di temubual. Soalan kaji selidik yang berkaitan dengan burnout telah diedarkan mengandungi 30 item manakala item bagi soalan temubual mengandungi 20 soalan. Data telah di analisis menggunakan statistik deskriptif. Hasil dapatan menunjukkan tahap burnout dalam kalangan guru pendidikan awal kanak-kanak di Samarahan dan Kuching Sarawak berada di tahap yang rendah. Manakala faktor peribadi guru, faktor ekonomi dan juga faktor sosial telah dikenal pasti menjadi punca utama guru mengalami burnout. Burnout yang tidak terkawal memberikan memberikan impak negatif kepada guru yang dapat di lihat menerusi kesan kepada emosi, fizikal, kesihatan, sosial dan kerjaya guru pendidikan awal kanak-kanak.

Kata kunci: Tahap Burnout, Guru Pendidikan Awal Kanak-Kanak, Faktor, Impak

Abstract: *Burnout among early childhood education teachers and the factors that cause burnout will affect the value and quality, performance and service of an achievement. This study examines the level of burnout of early childhood education teachers through three main*

symptoms of emotional exhaustion, depersonalization and personal achievements and further decline to analyze the causes contributing to the symptoms of burnout and burnout implications against the teacher early childhood education. This study uses a mixed method and was carried out involving 165 and respondents consisting of early childhood education teachers in the Samarahan and Kuching Sarawak. A total of five respondents were interviewed. Questionnaires related to burnout were circulated containing 30 items whereas items for the interview questions contained 20 questions. Data has been analyzed using descriptive statistics. The findings show that burnout levels among early childhood education teachers in Kuching and Samarahan are low. While teachers' personal factors, economic factors and social factors have been identified as the main cause of teachers experiencing burnout. Uncontrolled burnout provides negative impact to teachers that can be viewed through the impact of emotional, physical, health, social and career education of early childhood teachers.

Keywords: *Burnout Level, Early Childhood Education Teacher, Factor, Impact*

Pengenalan

Seiring dengan era globalisasi sekarang, profesion perguruan memainkan peranan yang penting dalam proses pembangunan manusia, masyarakat dan negara. Guru merupakan individu yang bertanggungjawab bagi menyampaikan ilmu pengetahuan kepada individu dan masyarakat. Selari dengan itu, bagi mencorakkan kaedah pengajaran yang efisien dan mencapai matlamat dunia pendidikan agar dapat di capai secara optimum, guru dilihat merupakan elemen yang paling penting pada masa sekarang. Dalam usaha menentukan mod pengajaran yang baik, terdapat pelbagai cabaran yang di hadapi oleh guru yang dilihat semakin kompleks dan mencabar. Peranan guru pada hari ini tidak hanya terhad sebagai penyampai pengajaran malah, turut bertindak sebagai fasilitator atau pemudah cara proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah.


Cabaran kehidupan yang perlu digalas pada setiap bahu pendidik, amnya adalah amat kritikal dan berkaitan dengan kesejahteraan kerja guru. Kesejahteraan kerja merujuk kepada sumbangan yang sangat bermakna dari aspek fizikal dan mental serta amalan atau nilai oleh individu untuk mencapai kualiti, keperibadian dan kepuasan kerja. (Brysonet Forth, & Stoke 2017). Bagi golongan guru, bebanan tugas guru yang kian bercambah memberikan implikasi terhadap kualiti, keperibadian dan kepuasan kerja mereka. Kegagalan guru mengatasi tekanan yang datang akan menyumbang kepada ketidakselesaan dalam pekerjaan dan mengalami ketidakstabilan emosi sehingga membawa kepada burnout. Individu yang dikaitkan dengan burnout akan merasakan tidak berupaya untuk menanggung beban emosi yang tidak stabil dan keadaan demikian memberikan kesan negatif terhadap sikap dan tindakan seseorang dalam kehidupan.

Justeru, melihat cabaran-cabaran pendidikan masa kini, guru yang tidak berjaya menghadapi cabaran hari ini, akan memberi ruang wujudnya gejala burnout dalam kalangan guru. Guru pendidikan awal kanak-kanak juga tidak terlepas mengalami gejala burnout ini. Menurut Taylor (2013) antara elemen yang di anggap penting diperlukan oleh individu yang melibatkan diri dalam profesion perguruan ialah daya tahan. Daya tahan penting bagi memenuhi cabaran serta perubahan yang mendatang agar terus kekal sebagai pendidik. Guru yang memiliki daya tahan yang tinggi akan mampu untuk mengawal situasi negatif. Namun sebaliknya jika guru mempunyai daya tahan yang berkurangan akan memberikan impak negatif seperti kemurungan, tekanan emosi yang akan menyebabkan gejala burnout di

kalangan guru. Kajian mengenai gejala burnout dalam pendidikan awal kanak-kanak pada masa kini telah mendapat perhatian dan telah menjadi bahan untuk tujuan ilmiah. Terdapat pelbagai pendapat mengenai gejala burnout dalam kalangan guru. Maka kajian ini telah dijalankan bagi mengisi jurang dan menjawab persoalan tersebut. Justeru, kajian ini dilakukan adalah untuk mengkaji tahap gejala burnout dalam kalangan guru pendidikan awal kanak-kanak.

Kerangka Konsep

Komponen utama kerangka konsep ialah guru pendidikan awal kanak-kanak dibahagian Samarahan dan Kuching Sarawak. Komponen kedua terdiri daripada tiga elemen iaitu burnout, faktor burnout dan implikasi burnout dimana setiap satu daripada elemen ini dipecahkan lagi kepada sub-sub lain. Burnout mempunyai tiga sub-skala iaitu ketandusan emosi, depersonalisasi dan pencapaian peribadi. Manakala bagi sub-dimensi bagi faktor burnout ia di bahagikan kepada tiga iaitu faktor dalaman, faktor luaran dan faktor sosial. Faktor dalaman merangkumi guru yang tidak mempunyai pengalaman mengajar, guru yang memiliki imej rendah diri dan kekurangan masa peribadi. Manakala faktor luaran terdiri daripada aspek ekonomi dan seterusnya faktor luaran adalah berkaitan dengan dengan faktor sosial guru iaitu perhubungan guru dengan pihak pengurusan sekolah dan rakan sekerja, hubungan guru dengan murid dan ibubapa. Bagi sub-dimensi untuk implikasi burnout pula memberikan kesan negatif kepada guru, gangguan emosi, kesihatan terjejas, penurunan pencapaian peribadi dan perubahan fizikal. Selain itu, burnout juga memberikan kepada terhadap kerjaya guru iaitu kerap tidak datang kerja dan keinginan untuk berhenti kerja tidak produktif, dan tidak bersemangat, kekurangan kreativiti atau kehendak, masalah pergaulan sosial dan suka mengasingkan diri. Dalam kajian ini setiap elemen akan dikaji bagi mendapatkan output iaitu tahap burnout, faktor dan implikasi burnout guru pendidikan awal kanak-kanak di bahagian Samarahan dan Kuching Sarawak sebagaimana yang ditunjukkan dalam rajah 1.1 di bawah.



Rajah 1.1: Kerangka Kajian Burnout

Kajian Literatur

Burnout

Sindrom burnout berlaku apabila seseorang mengalami keletihan dan berasa terlalu penat semasa melaksanakan kerja atau tugas yang di lakukan sehingga memerlukan rehat yang secukupnya. Ia merupakan sindrom psikologi yang terdiri daripada keletihan emosi, depersonalisasi dan pencapaian peribadi. Keletihan emosi terjadi apabila seseorang merasa kegagalan dan mempunyai keraguan sendiri. Depersonalisasi pula merujuk kepada pembentukan sikap yang negatif dan maklum balas yang dingin terhadap orang lain. Manakala pencapaian peribadi pula adalah di sebabkan oleh kurang penghargaan dan maklum balas yang positif. Dalam erti kata yang lain ia merujuk kepada perasaan kehilangan

harga diri dan perasaan kurang mencapai kepuasan dalam pekerjaan. (Maslach & Jackson 1981).

Teori Conservation Of Resources (COR) yang diperkenalkan oleh Hobfoll merupakan teori yang digunakan untuk menjangkakan individu yang mengalami burnout. Hobfoll telah menjelaskan kegagalan individu menangani tekanan akan membawa kepada impak negatif terhadap dirinya sendiri. Akibatnya muncul gejala burnout seperti kecewa, mengalami gangguan emosi, kemurungan dan terdapat segelintir daripada individu mula berkelakuan defesit dan bersifat sinis terhadap orang di sekeliling dan persekitaran. Hobfoll (2001).

Faktor Burnout

Individu yang menunjukkan sindrom burnout didapati tidak berupaya untuk menghadapi tekanan kerja dan menjalani kehidupan peribadi dengan lebih baik. Terdapat tiga faktor yang mempengaruhi burnout dalam kalangan guru iaitu berkaitan dengan tiga kumpulan utama yang di pengaruhi oleh peribadi, alam sekitar dan organisasi. Shraga Fisherman (2015). Faktor peribadi ini berkait rapat dengan imej diri, pengalaman dan kekangan masa. Guru yang memiliki imej diri seperti rendah diri dan kurang keyakinan diri akan memberi impak negatif terhadap imej professional guru tersebut dan secara tidak langsung membuka ruang kepada gejala burnout dalam kalangan guru sekolah. Selain itu faktor pengalaman juga turut menjadi menyumbang burnout dalam kalangan guru pendidikan awal kanak-kanak. Guru yang masih baru dalam bidang pendidikan menunjukkan tahap burnout yang lebih tinggi berbanding dengan guru yang sudah lama mengajar. Ini bermakna tahap burnout yang di alami oleh guru adalah berbeza berdasarkan pengalaman mengajar. Molly Fisher (2015). Manakala menurut (Matiang, Makewa & Role 2016) pula menyatakan bebanan tugas yang banyak sehingga menghadkan masa guru juga turut menjadi punca utama burnout dalam kalangan guru. Kekangan masa guru yang terhad serta dibebani tugas kerja yang banyak memberikan impak negatif kepada guru iaitu guru terlihat sering mengalami keletihan dan risiko untuk mendapat burnout adalah tinggi.

Faktor alam sekitar pula melibatkan interaksi pelajar bersama guru turut menyebabkan burnout dalam kalangan guru. Menurut (Richard Hastings & Mohammed Bham 2013) menyatakan tingkah laku pelajar yang pelbagai ragam sehingga sukar di kawal juga merupakan salah satu faktor yang menyebabkan guru mengalami burnout. Sementara itu, faktor organisasi juga dilihat merupakan salah satu faktor lain menjadi penyumbang utama guru untuk mengalami burnout. Faktor organisasi terdiri daripada gaji yang rendah, kurang rasa hormat dari masyarakat, kekurangan mendapat peluang kerjaya yang lebih baik dan terdapat permintaan yang tidak munasabah. Shraga Fisherman (2015). Menerusi kajian yang dilakukan oleh (Fatima Eid & Majed Mohammad 2017) pula menyatakan kekangan kewangan turut merupakan salah satu sebab burnout berlaku dalam kalangan guru swasta pendidikan awal kanak-kanak di Yordania Arab. Gaji yang rendah di berikan tidak dapat memenuhi keperluan guru sehingga mengalami kekangan dari segi kewangan.

Selain itu, perhubungan yang buruk antara guru dan pengurusan dan persekitaran juga merupakan antara sebab lain guru mengalami burnout. Menurut Sahar Mohamed (2015) menyatakan persekitaran kerja yang tidak inovatif membawa kepada tekanan dan peratusan guru untuk mendapat burnout adalah tinggi. Guru pendidikan awal kanak-kanak juga sering berhadapan dengan pelbagai masalah yang melibatkan hubungan guru dengan ibu bapa murid. Berdasarkan kajian (Fatima Al-Adwan & Majed Mohammad 2017) mendapati antara punca berlaku burnout dalam kalangan guru ialah pengurusan hubungan guru dan ibubapa murid. Guru mengalami tekanan untuk memenuhi permintaan dan harapan yang tinggi

daripada ibu bapa terhadap anak-anak ketika berada di sekolah. Keadaan sedemikian menyebabkan tekanan psikologi guru menjadi lebih tinggi dan secara tidak langsung meningkatkan burnout dalam kalangan guru.

Kesan Burnout

Guru yang mengalami gejala burnout sehingga menyebabkan tekanan mental dan saraf perlu diberi perhatian dan mendapat perawatan dengan segera. Ini kerana impak negatif daripada gejala burnout menyebabkan guru tidak dapat melakukan perkerjaan dengan cara yang betul dan secara tidak langsung turut mempengaruhi kualiti mutu kerja yang tidak memuaskan. (Burnsting, Sreckovic & Lane 2014). Burnout juga memberi kesan kepada emosi dan fizikal guru. Kesan daripada tekanan kerja yang tidak terkawal menyebabkan guru kehilangan semangat untuk mengajar di sekolah. Emosi yang tidak stabil dialami oleh guru dan ditambah pula keadaan keletihan fizikal yang melampau mengurangkan semangat guru untuk mengajar, menunjukkan sikap negatif, pasif, dan bertambah buruk apabila guru mula tidak mengambil peduli terhadap pelajar mereka. Tahap tekanan yang tinggi dan berlebihan tanpa pengawalan dihadapi oleh guru memberikan impak buruk kepada emosi dan fizikal guru. (Kubiat Ineme & Mfon Ineme 2016).

Burnout juga turut memberi kesan kepada pengurangan pencapaian individu. Menurut kajian yang dilakukan oleh (Peng, Zhang, Tian, Miao, Xiao & Zhang, 2014) menjelaskan bahawa pengurangan pencapaian peribadi merujuk kepada sebagai perasaan keletihan, mempunyai pandangan sinis dan mempunyai pandangan negatif terhadap perkerjaan seseorang. Pengurangan pencapaian peribadi secara tidak langsung turut mempengaruhi prestasi kerja individu dan memberikan pelbagai kesan negatif kepada individu yang bermula dengan gejala kemurungan di tempat kerja sehingga menjejaskan prestasi terhadap kerjaya. Begitu juga, dengan kajian yang telah dibuat oleh (Bakker, Demerouti, & Sanz Vergel, 2014) yang menyimpulkan bahawa burnout bermula daripada perasaan kesusahan dan mengalami kemurungan di tempat kerja dan boleh membawa kepada gejala burnout sehingga menjejaskan prestasi kerja seseorang. Selain itu, burnout yang tidak di rawat pada peringkat awal juga turut menyebabkan individu mengalami gangguan depresi. (Bahlmann, Angermeyer & Schomerus 2013).

Impak lain burnout ialah turut menjejaskan kesihatan dan kehidupan seseorang. Individu yang mengalami burnout didapati mempunyai masalah kesihatan seperti peningkatan penggunaan alkohol gangguan tidur, kemurungan, obesiti dan kesakitan musculoskeletal. (Khamisa, Peltzer, & Oldenburg, & 2013). Guru yang mengalami burnout juga mempunyai hubungan yang tidak rapat dengan keluarga dan rakan-rakan. Ini kerana guru yang menderita burnout mengalami tekanan dan sering tidak berpuas hati dengan pekerjaan yang dilakukan sekarang. Kesan daripada situasi tersebut mengakibatkan guru lebih suka mengasingkan diri daripada bergaul dengan orang di sekeliling. Donna Jacobson (2016).

Metodologi

Reka Bentuk Kajian

Rekabentuk kaedah gabungan iaitu kaedah kuantitatif dan kualitatif di gunakan dalam kajian ini. Pemilihan kaedah campuran ini memudahkan pengkaji memperolehi data dengan lebih tepat serta padat dengan menggunakan data responden dan maklumat daripada informan. Selain itu, ia juga dapat memberi gambaran secara keseluruhan responden mengenai isu yang hendak dikaji dan memastikan hasil dapatan adalah berdasarkan kepada pengalaman mereka sendiri. (Mohd Fauzi Kamarudin, Karen, Aida & Kalthom Husain. 2014)

Populasi dan Sample

Persampelan bertujuan telah digunakan dalam kajian ini iaitu seramai lima orang informan yang terdiri daripada guru pendidikan awal kanak-kanak yang mengajar di lima buah sekolah yang berbeza terdapat dibahagian Samarahan dan Kuching Sarawak telah dipilih sebagai responden dan akan di tembuhal khas oleh pengkaji. Keputusan kajian hanya mewakili kumpulan subjek kajian yang dipilih sahaja. Manakala sebanyak 160 orang responden pula akan di berikan borang kajian soal selidik. Dalam kajian ini penyelidik menasarkan golongan yang berusia antara 20 tahun sehingga 60 tahun keatas yang terdiri daripada guru di sekitar Kota Samarahan dan Kuching Sarawak.

Instrumen Kajian

Set soal selidik ini telah dibahagikan kepada 4 bahagian dan setiap bahagian terdiri daripada beberapa subkonstruk iaitu Bahagian A, B, C dan D. Bahagian A mengandungi maklumat-maklumat berkaitan demografi responden seperti jantina, umur, taraf perkahwinan dan tempoh perkhidmatan. Bahagian B berkaitan dengan tahap burnout iaitu keletihan emosi, depersonalisasi dan penurunan pencapaian peribadi. Bahagian C pula berkaitan dengan faktor-faktor menjadi penyumbang guru mengalami burnout. Manakala bahagian D berkaitan dengan lima soalan yang telah dibina bagi mengetahui kesan burnout terhadap guru iaitu kesan terhadap individu, kesan terhadap persekitaran sosial dan kerjaya guru. Soal selidik tersebut telah diadaptasi dari borang *Maslach, C., Jackson, S. E., & Leiter, M. P. 1996. MBI: The maslach burnout inventory manual (3rd Ed.). Palo Alto, CA: Consulting Psychologists Press.* Item soal selidik menggunakan skala likert mewakili skala 0 sehingga skala 6 bagi mewakili bahagian B, (*Tidak pernah, beberapa kali setahun, sekali sebulan atau kurang, sekali seminggu, beberapa kali seminggu dan setiap hari*) Manakala untuk bahagian C dan D menggunakan skala 3 mata untuk mengukur maklumbalas dan pandangan responden. (*Tidak setuju, tidak pasti dan setuju*). Set soal selidik ini menggunakan prosedur menterjemah kembali untuk memastikan "Understandability" instrument yang telah digunakan bagi menyamakan persepsi dan kesahihan, terutamanya dalam instrumen penyelidikan. Manakala untuk kaedah kualitatif penkaji telah mendapatkan maklumat melalui dua cara iaitu temubual dan pemerhatian. Setiap maklumat yang diperolehi melalui rakaman suara, gambar dan video akan disimpan sebagai rekod data. Pendekatan kaedah tembuhal dapat memberikan maklumat dan penerangan yang lebih tepat dan padat kepada penyelidik. Kaedah pemerhatian pula adalah untuk memberikan kepastian yang lebih jelas dan nyata berkaitan dengan skop utama penyelidikan. Menerusi kaedah ini pengakji akan melihat dan meneroka sendiri lokasi kajian serta mengambil gambar dan video sebagai bukti dan memperkukuhkan lagi bukti kajian. Kaedah pemerhatian ini dapat memberikan gambaran sebenar untuk tujuan rujukan kepada pengkaji yang akan datang.

Jadual 1: Pembahagian Pemarkahan Tahap Burnout MBI

Dimensi Burnout	Rendah	Sederhana	Tinggi
Keletihan Emosi			
Depersonalisasi	0.0 – 2.99	3.0 – 4.99	5.0 – 6.99
Pencapaian Diri			

Jadual diatas menunjukkan pembahagian permakahan tahap burnout MBI. Bagi keletihan emosi, skor yang lebih tinggi menunjukkan keletihan emosi yang lebih besar, dan burnout yang lebih besar. Manakala untuk derpersonalisasi skor yang lebih tinggi menunjukkan kemerosotan yang lebih besar, dan burnout yang lebih besar dan untuk pencapaian diri pula

markah yang lebih tinggi menunjukkan pencapaian peribadi yang lebih besar, dan kurang burnout.

Jadual 2: Analisis maklumat temubual

Burnout	
Faktor Burnout	Faktor dalaman Pengalaman/Imej diri/masa peribadi
	Faktor luaran Ekonomi/perhubungan guru dengan sekolah, murid dan ibubapa
Kesan Burnout	Kesan individu Negatif/emosi/kesihatan/pencapaian peribadi/fizikal
	Kesan persekitaran sosial dan kerjaya Berhenti kerja/tidak produktif/ kekurangan kehendak/ pergaulan sosial dan mengasingkan diri

Jadual diatas menunjukkan maklumat yang telah disalin dan dianalisis hasil daripada temubual iaitu memberi perhatian kepada faktor dan kesan burnout yang diklasifikasikan kepada 2 kumpulan utama, iaitu faktor dalaman, faktor luaran bagi faktor burnout manakala untuk kesan burnout pula terdiri daripada kesan kepada individu dan kesan terhadap persekitaran sosial dan kerjaya.

Dapatan Kajian

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian yang telah menggunakan beberapa analisis. Analisis data yang dilakukan ialah untuk melihat kekerapan peratus dan min. Seramai 165 orang responden telah menjawab soal selidik manakala seramai 5 orang pula telah di pilih untuk dijalankan temubual secara formal dan tidak formal bergantung kepada keselesaan responden.

Jadual 3: Analisis kekerapan dan peratus demografi

Bil	Demografi	Jantina	No bilangan	Peratus
1	Jantina	Lelaki	31	19
		Perempuan	134	81
		Jumlah	165	100
2	Umur	20-25	21	13
		26-30	50	30
		30-40	50	30
		40 Tahun keatas	44	27
		Jumlah	165	100
3	Taraf Perkahwinan	Bujang	43	26
		Berkahwin	115	70
		Lain-lain	7	4

		Jumlah	165	100
4	Tempoh	Kurang 5 Tahun	47	28
	Perkhidmatan	5-10 Tahun	47	28
		10-15 Tahun	39	24
		15 Tahunan Keatas	32	20
		Jumlah	165	100

Jadual 3 merupakan analisis demografi dapatan kajian. Bagi jantina majoriti responden adalah perempuan iaitu 134(81%) dan lelaki iaitu 31(19%). Merujuk kepada umur responden seramai 21(13%) berumur 20 hingga 25 tahun, 50(30%) mewakili 26 hingga 30 tahun diikuti 50(30%) yang berusia 30 hingga 40 tahun dan 44(27%) untuk yang berusia 40 tahun keatas. Manakala bagi taraf perkahwinan pula majoriti responden sudah berkahwin iaitu sebanyak 115(70%), diikuti bujang sebanyak 43(26%) dan lain-lain sebanyak 7(4%). Bagi tempoh perkhidmatan yang berkerja kurang daripada 5 tahun iaitu 47(28%), diikuti 5 hingga 10 tahun juga sebanyak 47(28%), manakala 10 hingga 15 tahun iaitu 39(24%) dan 15 tahun keatas iaitu 32(20%).

Jadual 4: Analisis Min Bagi Tahap Burnout Guru

Item	N	Min(M)	Sisihan Piawai
Keletihan Emosi	165	1.747	1.347
-Saya rasa lemah emosi akibat kerja saya	165	1.7697	1.39084
-saya berasa keletihan dan tegang apabila bangun daripada tidur pada setiap pagi	165	1.8485	1.38197
- Bekerja secara langsung dengan orang yang memberi banyak tekanan dan bebanan kepada saya	165	1.6242	1.27045
Depersonalisasi		0.5495	1.055
-saya melayan setengah pelajar seperti tidak mempunyai perasaan	165	0.5212	1.12395
-semenjak menjawat tugas ini saya tidak peduli tentang perasaan orang lain	165	0.6182	1.06194
-saya tidak peduli apa yang berlaku kepada pelajar dan orang yang berurusan dengan saya	165	0.5091	0.97916
Pencapaian peribadi		3.694	2.891
-Saya tidak mudah mewujudkan suasana yang tenang untuk pelajar saya	165	3.9030	1.7842
-saya yakin mampu mempengaruhi kehidupan orang melalui kerja saya	165	3.3333	1.92649
-Saya rasa tidak bertenaga ketika berkerja	165	3.8485	4.96525

Jadual 4 diatas menunjukkan analisis bagi melihat persoalan kajian pertama iaitu apakah tahap burnout guru-guru pendidikan awal kanak-kanak di daerah Samarahan dan Kuching Sarawak iaitu dari segi keletihan emosi, depersonalisasi dan pencapaian peribadi.

Hasil dapatan jelas menunjukkan nilai min bagi pencapaian peribadi adalah paling tinggi iaitu ($m=3.694$, $sd=2.891$). Nilai min bagi keletihan emosi ($m=1.747$, $sd=1.347$). Manakala nilai min bagi depersonalisasi adalah ($m=0.5495$, $sd=1.055$).

Jadual 5: Analisis min dan sisihan piawai berdasarkan kepada tahap burnout guru bagi Dimensi MBI Burnout

Dimensi Burnout	No	Min	Sisihan Piawai	Tahap Burnout
Keletihan Emosi	165	1.747	1.347	Rendah
Depersonalisasi	165	0.5495	1.055	Rendah
Pencapaian Diri	165	3.694	2.891	Sederhana

Jadual diatas menunjukkan tahap burnout dalam kalangan responden. Berdasarkan markah skor min sisihan piawai diatas menggambarkan tahap burnout dalam kalangan responden bagi pencapaian diri berada di tahap yang sederhana iaitu 3.694. Manakala bagi keletihan emosi dan depersonalisasi berada di tahap rendah iaitu 1.747 dan diikuti oleh depersonalisasi iaitu 0.5495.

Jadual 6: Analisis faktor burnout

	1=Setuju	2=Tidak setuju Peratus	3=Ragu-Ragu
-Faktor Dalaman			
-Guru yang tidak mempunyai pengalaman mengajar	55.1	28.5	16.4
-Guru yang memiliki imej rendah diri dan kurang keyakinan diri	61.2	21.8	17
-Kekurangan masa peribadi	85	7.8	7.2
Faktor Luaran			
-Faktor Ekonomi (kewangan)	69.6	16.4	14
Faktor sosial			
-Hubungan perhubungan guru dengan pihak pengurusan sekolah dan rakan sekerja	77.6	10.9	11.6
-Hubungan guru dengan Murid	88.5	9.1	2.4
-Hubungan guru dengan ibu bapa murid	85.5	6.0	8.5

Jadual 5 menunjukkan analisis bagi melihat persoalan kajian yang kedua iaitu apakah faktor yang menjadi penyebab utama berlaku gejala burnout dalam kalangan guru pendidikan awal kanak-kanak. Faktor dalaman dan faktor luaran merupakan punca utama dikenalpasti menyebabkan guru mengalami burnout.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa peratusan tertinggi yang menyebabkan guru mengalami burnout ialah perhubungan guru dengan murid iaitu sebanyak 88.5% telah bersetuju dengan faktor ini diikuti dengan faktor perhubungan guru dengan ibu bapa murid iaitu 85.5%. Manakala bagi faktor kekurangan masa peribadi pula ialah 85%. Selain itu, sebanyak 77.6% responden juga telah bersetuju dengan faktor pengurusan sekolah dengan rakan sekerja turut menjadi penyumbang guru mengalami burnout. Nilai peratusan item bagi faktor ekonomi pula ialah sebanyak 69.6% diikuti oleh faktor guru memiliki imej yang rendah dan kurang keyakinan diri iaitu 61.2% dan guru yang tidak mempunyai pengalaman mengajar pula sebanyak 55.1%.

Jadual 7: Analisis Kesan Burnout

	1=Setuju	2=Tidak Setuju	3=Ragu-Ragu Peratus
Kesan Individu			
-Burnout memberikan kesan negatif terhadap guru	91	3	6
-Mengalami gangguan emosi	90.3	3	6.7
-Kesihatan terjejas	65.5	24.8	9.7
-Penurunan pencapaian peribadi	78.2	10.3	11.5
-Perubahan fizikal	83	4	13
Kesan burnout terhadap persekitaran sosial dan kerjaya			
-Kerap tidak datang kerj dan keinginan untuk berhenti kerja	61.8	21.8	16.4
-Tidak produktif, tidak bermotivasi dan tidak bersemangat	83	9.7	7.3
-Kekurangan kreativiti atau kehendak	80	10.9	9.1
-Pergaulan sosial	72	16.4	11.6
-Mengasingkan diri	70.3	17.6	12.1

Jadual diatas menunjukkan analisis bagi melihat persoalan kajian yang ketiga iaitu apakah kesan burnout kepada guru pendidikan awal kanak-kanak. Terdapat terdapat dua kesan utama burnout kepada guru iaitu kesan individu dan kesan terhadap persekitaran dan kerjaya guru. Hasil dapatan kajian menunjukkan mengikut kekerapan paling tinggi adalah sebanyak 91% iaitu untuk item burnout memberikan kesan negatif kepada guru. Kemudian diikuti gangguan emosi dengan peratusan sebanyak 90.3 %. Manakala untuk kesan perubahan fizikal dan tidak produktif, tidak bermotivasi dan tidak bersemangat masing-masing dengan peratusan sebanyak 83%. Kekurangan kreativiti pula mewakili 80 % dan diikuti dengan penurunan pencapaian peribadi iaitu 78.2% seterusnya untuk pergaulan sosial pula mewakili 72%, mengasingkan diri iaitu 70.3%, dan diikuti dengan item menjejaskan kesihatan iaitu 65.5%. Item yang paling rendah sekali adalah kerap tidak datang kerja dan keinginan untuk berhenti kerja iaitu serendah 61.8%.

Perbincangan

Dapatan kajian mendapati bunout yang dialami oleh responden berada di tahap yang rendah bagi keletihan emosi dan depersonalisasi. Manakala bagi tahap burnout dimensi penurunan pencapaian peribadi berada tahap sederhana. Terdapat dua pecahan faktor burnout iaitu faktor dalaman dan faktor luaran. Faktor dalaman meliputi faktor peribadi responden iaitu kurang pengalaman, kurang keyakinan diri dan kekurangan masa peribadi. Manakala bagi faktor luaran merangkumi dua aspek utama iaitu faktor ekonomi dan faktor sosial yang terdiri daripada perhubungan guru dengan pihak pengurusan sekolah dan rakan sekerja, perhubungan guru dengan murid dan perhubungan guru dengan ibu bapa murid. Burnout yang berlaku dalam kalangan guru tanpa pengawalan di ambil memberikan impak negatif serta turut mempengaruhi emosi, fizikal, sosial dan kerjaya guru pendidikan awal kanak-kanak. Oleh itu, bagi memastikan guru memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada murid, guru pendidikan awal kanak-kanak perlu dilengkapi dengan kelayakan, kemahiran, latihan, serta pengetahuan yang mencukupi. Salah satu punca utama memberikan ruang berlaku burnout dalam guru pendidikan awal kanak-kanak ialah guru yang tidak mempunyai pengalaman mengajar. Kekurangan pengalaman mengajar juga secara tidak langsung turut mempengaruhi keyakinan dan imej diri yang rendah sehingga peratusan untuk mendapat

burnout adalah tinggi. Oleh hal demikian, guru pendidikan awal kanak-kanak yang telah di pilih menjadi guru seharusnya di lengkapi dengan kemahiran serta latihan yang mencukupi dan di tuntutan secara signifikan untuk meningkatkan ilmu dari segi kemahiran dan juga pengetahuan akademik dalam pendidikan. Ini boleh dilakukan dengan memberi tumpuan kepada kriteria pemilihan guru perlu diperketatkan dan memberikan latihan yang mencukupi bagi mempertingkatkan ilmu pedagogi guru dan memupuk kemahiran mengajar yang lebih berkesan. Menurut (Manning, Fleming, & Wong 2017) menjelaskan bahawa guru yang bukan opsyen dalam bidang pendidikan akan mempunyai pengetahuan yang lebih rendah berbanding daripada guru yang sudah mempunyai pengetahuan dalam bidang pendidikan. Selain itu, pihak kerajaan juga memainkan peranan yang penting bagi menyelaraskan sukatan pembelajaran di tadika dan prasekolah dengan menyediakan latihan dan mengikuti beberapa kursus pendidikan bagi guru yang tidak mempunyai sebarang sijil kemahiran pedalogi sebelum guru tersebut mengajar.

Berdasarkan hasil dapatan juga menunjukkan guru pendidikan awal kanak-kanak dilihat terbeban dengan tugas yang banyak dan rumit ketika di sekolah. Pihak kerajaan perlu mengambil alternatif yang berkesan dengan mengurangkan tugas guru dengan menyediakan jawatan yang baru seperti kerani dan mengasingkan unit kurikulum dan kurikulum di sekolah. Tugas yang berkaitan dengan kerani dan kokurikulum perlu di ambil alih oleh penjawat awam lain yang dan bukannya dalam kalangan guru pendidikan awal kanak-kanak. Selain itu, dapatan kajian turut memperlihatkan guru juga turut terkesan dengan perubahan ekonomi baru pada masa kini turut menyaksikan perubahan drastik kepada ekonomi negara. Peningkatan kos taraf hidup yang semakin meningkat menyebabkan ramai yang terkesan dengan situasi tersebut termasuklah guru tadika swasta yang mempunyai gaji yang rendah. Kekangan kewangan yang rendah merupakan faktor guru mengalami burnout dan peratusan untuk berhenti kerja adalah tinggi. Sehubungan dengan itu, guru tadika dan prasekolah perlu diberikan skim gaji khas dan gaji minimum guru bagi tadika swasta dan tadika kerajaan perlu di selaraskan dan di samarakan agar guru pendidikan awal kanak-kanak tidak tersenarai di bawah garis kemiskinan dan dapat menikmati sukurang-kurangnya gaji minimum yang setimpal dengan hasil kerja guru. Menurut (Otilia Clipa & Amelia Boghean 2014) menyatakan alternatif yang paling berkesan mengurangkan tahap burnout yang di alami oleh guru pendidikan awal kanak-kanak ialah dengan mengurangkan bebanan kerja guru dan menaikkan kadar gaji yang lebih tinggi.

Selain itu, isu guru tertekan dan terkesan dengan sikap segilintir pihak pengurusan sekolah, murid dan ibubapa murid juga perlu di pandang serius kerana ia merupakan faktor yang boleh menyebabkan guru untuk mengalami burnout. Bagi mengurangkan gejala burnout dalam kalangan guru pendidikan awal kanak-kanak, rakan sekerja, pengetua dan ibubapa hendaklah sentiasa membantu dan memberikan kerjasama dan galakan kepada guru. Dengan adanya hubungan yang baik dengan pihak pengurusan sekolah dapat mengurangkan gejala burnout dalam kalangan guru pendidikan awal kanak-kanak. Begitu juga dengan ibu bapa murid. Persepsi negatif ibu bapa kepada guru pendidikan awal kanak-kanak seharusnya di ubah dan sebaliknya bersama-sama untuk memikul tanggungjawab untuk mendidik mereka mencapai tahap pretasi yang cemerlang pada masa hadapan. Menurut (Mohd Saifulkhair Omar, Mohd Faizul Mohd Noor & Mohd Isha Awang 2016) menjelaskan iklim sekolah yang positif membuatkan guru berasa gembira dan seronok untuk mengajar. Oleh itu, adalah sangat penting mewujudkan suasana yang sihat dan harmoni iaitu perhubungan yang baik di sekolah bagi mengelakkan guru pendidikan awal kanak-kanak mengalami burnout.

Kesimpulan

Hasil dapatan kajian memberikan kesan yang sangat mendalam kepada pihak-pihak tertentu yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam pendidikan. Walaupun tahap burnout dalam kalangan guru pendidikan awal kanak-kanak di Samarahan dan Kuching berada di tahap yang rendah, sekiranya fenomena yang boleh menjadi penyumbang burnout di biarkan secara berterusan tanpa ada tindakan yang di ambil akan memberikan impak negatif kepada guru yang dapat di lihat menerusi kesan kepada emosi, fizikal, kesihatan, sosial dan kerjaya guru pendidikan awal kanak-kanak. Oleh itu, burnout yang berlaku dalam kalangan guru pendidikan awal kanak-kanak memerlukan kerjasama daripada pelbagai pihak termasuk kementerian, sekolah dan guru itu sendiri bagi mempertingkatkan dan memartabatkan lagi kualiti pendidikan awal kanak-kanak Malaysia.

Rujukan

- Bahlman, J., Angermeyer, M.C., & Schomerus, G. (2013). Calling it “Burnout” Instead of Depression-A strategy to avoid stigma? *Journal of Psychiatrische Praxis* 40(2):78-82.
- Bakker, A.B., Demerouti, E., & SanzVergel, A.I. (2014). Burnout and work engagement: The JD-R approach. *Annu Rev Organ Psychol Behaviour*. 1(1):389-411.
- Brunsting, N.C., Sreckovic, M. A., & Lane, K.L. (2014). Special education teacher burnout; A synthesis of research from 1979 to 2013. *Journal of Education and Treatment of Children* 37(4):681-712.
- Brysonet, A., Forth, J., & Stokes, L. (2017). Does employees’s subjective well-being effect workplace performance?*Journal Human Relations* 70(8): 1017-1037.
- Clipa, O. & Boghean, A. (2014). Stress factors and solutions for the phenomenon of burnout of preschool teachers.*Journal of Social and behaviorak Sciences* 2:907-915.
- Fatima Eid Zaid Al-Adwan & Majed Mohammad Al-Khayat. (2017). Psychological burnout in early childhood teachers. Level and reasons. *International Journal Education Studies* 10(1): 179-189.
- Fisher, M. H. (2015). Factors influencing stress, burnout and retention of secondary teachers. *Journal of Issues in Education* 14 (1): 3-36.
- Fisherman, S. (2015). Professional identity and burnout among pre-school, elementary and post-elementary school teachers in Israel. *Journal of Curriculum and Teaching* 4:1-13.
- Hasting, R.P Mohammed S, Bham. (2013). The relationship between student behaviour patterns and teacher burnout. *Journal of School Psychology Internationa* 24(1): 115-127.
- Hobfool, S. E (2001) The influence of culture, community and the nested-self in the stress process: Advancing conservation of resources theory. *Journal of applied Psychology* 50:337-396.
- Jacobson, D.A. (2016). Causes and effects of teacher burnout. Tesis Dr, Fal, University of Walden.
- Khamisa, N. Peltzer, K., Oldenburg, B. (2013). Burnout and health outcomes among nurses: a systematic review. *Journal of Environ Res Public Health* 10 (6): 2214-2240.
- Kubait, M., I. & Mfon, E. I. (2016). Impact of job satisfaction and burnout on attitudes towards strike action among employess of a Nigerian University. *Journal of Higher Education Policy and Management* 38(6): 664- 675.
- Manning, M. Garvis, S., Fleming, C. Wong, G.T.W. (2017). The relationship between teacher qualification and the quality of the early childhood education and care enviroment. *Campbell Systematic Review*.
- Maslach, C. & Jackson, S. E. (1981). The measurement of experinced burnout. *Journal of organizational Behaviors* 2: 99-113.

- Matiang'i, J., Makewa, L.N. & Role, E. (2016). School factors and teacher burnout. A perception. *Journal of Oalib* 3: 1-16.
- Mohd Fauzi Kamarudin, Karen Star, Aida Nasirah Abdullah & Kalthom Husain. (2014). Communicating change in organizational restructuring: A grounded theory case study. *Journal of Procedia-Social and Behavioral Sciences* 155: 496-501.
- Mohd Saifulkhair Omar, Mohd Faizul Mohd Noor & Mohd Isha Awang. (2016). Hubungan di antara iklim sekolah dan kepuasan kerja guru sekolah Menengah di daerah Kuala Nerus , Terengganu. *International Seminar on Generating Knowledge Through Research, UUM-UMSIDA*, hlm 31-38.
- Peng, J., Li, D., Zhang, Z., Tian, Y., Miao, D., Xiao, W., & Zhang, J. 2014. How can core self-evaluations influence job burnout? The key roles of organizational commitment and job satisfaction. *Journal of Health Psychology* 10: 441–451.
- Sahar Mohamed badawy. (2015). Egyptian teacher burnout: the role of work environment characteristics and job stress. *Journal of business and management sciences* 3(4): 101-110.
- Taylor, J.L. (2013). The power of resilience: A theoretical model to empower, encourage and retain teachers. *The Qualitative Report* 18(70), 1-25. University of St. Thomas, Houston, Texas, USA.